



MULTI BIZ PROTECTOR ENHANCED

Lembaran Pendedahan Produk

Nota Penting

1. Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda bercadang untuk membeli Polisi Multi Biz Protector Enhanced ini. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.
2. Anda haruslah yakin bahawa polisi ini akan memenuhi keperluan anda. Anda haruslah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara atau menghubungi syarikat insurans secara langsung untuk maklumat lanjut
3. Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, adalah menjadi kewajipan anda untuk mendedahkan sebarang perkara yang anda tahu dan relevan mengenainya untuk kami membuat keputusan dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunakan dan sebarang perkara di mana seseorang yang munasabah dalam keadaan tersebut dijangka untuk mengetahuinya, jika tidak ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga tempoh kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui oleh kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau mempunyai perubahan.

1. Apakah produk ini?

Multi Biz Protector Enhanced ialah pelan insurans yang bersesuaian dan komprehensif yang melindungi risiko perniagaan utama anda. Ia direka khas untuk pemilik perniagaan bersaiz kecil dan sederhana (PKS) untuk membantu anda fokus, mengembangkan dan memperluaskan perniagaan anda dengan yakin bahawa perniagaan anda dilindungi sepenuhnya walaupun dalam persekitaran yang mencabar dan sentiasa berubah. Produk ini mempunyai 16 seksyen perlindungan seperti berikut:

- Seksyen I – Kebakaran
- Seksyen II – Kerugian Turutan
- Seksyen III – Semua Risiko
- Seksyen IV – Rompakan
- Seksyen V – Wang
- Seksyen VI – Jaminan Kesetiaan
- Seksyen VII – Kepingan Gelas
- Seksyen VIII – Liabiliti Awam
- Seksyen IX – Liabiliti Majikan
- Seksyen X – Insurans Kemalangan Diri Berkelompok
- Seksyen XI – Peralatan Berat
- Seksyen XII – Kerosakan Mesin
- Seksyen XIII – Barangan Dalam Transit
- Seksyen XIV – Liabiliti Produk
- Seksyen XV – Elaun Kecemasan
- Seksyen XVI – Manfaat Nilai Tambah

2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

Polisi ini melindungi kerugian atau kerosakan harta anda yang diinsuranskan yang disebabkan oleh kebakaran, kilat dan letupan yang disebabkan oleh gas yang digunakan untuk tujuan domestik.

Polisi ini juga meliputi perlindungan berikut:

- Perbelanjaan Bomba
- Penjarahan Selepas Kebakaran (bukan tarif)
- Perlindungan Sementara (bukan tarif)
- Perbelanjaan Mempercepatkan (bukan tarif)
- Kerja Penambahbaikan (bukan tarif)

- Perlindungan percuma sehingga 10% daripada jumlah yang diinsuranskan untuk polisi kebakaran, maksimum sehingga RM1,000,000 untuk kerosakan yang disebabkan oleh:
 - Kerosakan Pesawat
 - Gempa Bumi & Letusan Gunung Berapi
 - Letupan
 - Kebakaran Belukar/Lalang
 - Rusuhan, Mogok & Kerosakan Berniat Jahat
 - Kerosakan Akibat Pokok Tumbang

Nota: Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah polisi ini.

Dengan membayar premium tambahan, anda boleh melanjutkan perlindungan untuk - kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh peril berikut:

- Kerosakan Pesawat
- Tangki, peralatan atau paip air pecah atau melimpah
- Kebakaran Belukar/Lalang
- Kerosakan akibat pokok tumbang atau dahan dan objek daripadanya
- Gempa Bumi & Letusan Gunung Berapi
- Letupan
- Banjir
- Kesan Kerosakan
- Rusuhan, Mogok dan Kerosakan Berniat Jahat
- Lindungan sandaran pembetung (bukan tarif)
- Pembakaran secara spontan
- Kebocoran pemercik
- Taufan, Ribut
- Mendapan dan Gelinciran Tanah

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Apakah tempoh perlindungan dan pembaharuan?

Perlindungan insurans adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

4. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada jenis perniagaan anda, klasifikasi pembinaan premis anda, jumlah yang diinsuranskan untuk Seksyen I, Seksyen II dan Seksyen III, peril yang dipilih untuk insurans di bawah Seksyen 1, pelan yang dipilih untuk insurans di bawah Seksyen IV ke Seksyen XV dan keperluan penajajaminan kami.

5. Berapakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Sebagai tambahan kepada premium, anda perlu membayar:	Amaun
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	15% daripada premium kasar
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium
Duti Setem	RM10.00

Kebolehgunaan duti setem dan cukai perkhidmatan yang dikenakan, atau sebarang cukai lain adalah tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

Jumlah Yang Diinsuranskan – Anda mesti memastikan bahawa harta anda diinsuranskan di bawah Seksyen I, Seksyen II dan Seksyen III adalah pada jumlah yang mencukupi dan mengambil kira pengubahsuaian yang telah dibuat pada harta anda.

Asas Penilaian – Asas Nilai Pasaran. Kami akan membayar kos pembaikan harta yang rosak setelah ditolak jumlah bagi haus dan lusuh dan penyusutan nilai.

Kesan jumlah yang diinsuranskan tidak mencukupi - Jika jumlah yang diinsuranskan untuk Seksyen I – Kebakaran, Seksyen II – Kerugian Turutan dan Seksyen III – Semua Risiko dalam polisi anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada masa kerugian, anda dianggap kurang diinsuranskan dan telah menginsuranskan perbezaannya sendiri. Syarat purata akan dikenakan sekiranya berlaku tuntutan.

Warranti Premium - Premium mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan perlindungan, kegagalan untuk membayar premium dalam tempoh ini, perlindungan tersebut akan dibatalkan secara automatik dan kami berhak menuntut premium pro-rata untuk enam puluh (60) hari yang kami berikan perlindungan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di dalam polisi ini.

7. Adakah terdapat sebarang panduan untuk menentukan anggaran jumlah yang diinsuranskan ke atas bangunan?

Terdapat Kalkulator Kos Bangunan PIAM (BCC) yang boleh membantu anda dalam menentukan anggaran jumlah yang perlu diinsuranskan bagi harta tanah kediaman, kedai sederhana dan pejabat dan ia bukan pengganti nasihat profesional yang perlu diperolehi.

Sebelum menggunakan kalkulator, sila ambil perhatian perkara berikut:

1. jika sebarang pengubahsuaian telah dibuat pada harta tanah anda, anda dinasihatkan untuk menyatakan jumlah (kos pengubahsuaian) dalam kotak yang disediakan di BCC.
2. jika harta tanah anda mempunyai ciri reka bentuk yang unik atau istimewa dan/atau mempunyai pengubahsuaian yang meluas dan/atau mempunyai struktur yang kompleks, anda dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat profesional untuk penilaian yang lebih tepat terhadap harta tanah anda.

BCC beroperasi di laman web PIAM <https://piam.org.my/building-cost-calculator-bcc/>

8. Apakah pengecualian-pengecualian utama dalam polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti:

- Kebakaran bawah tanah
- Pencemaran atau kontaminasi
- Peperangan, perang saudara dan sebarang tindakan keganasan
- Risiko tenaga radioaktif dan nuklear
- Liabiliti tanggungan melalui perjanjian

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian dalam polisi.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai insurans ini atau mana-mana jenis produk insurans, sila hubungi kami atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami di www.generali.com.my.

Generali Insurance Malaysia Berhad

No Pendaftaran: 197501002042 (23820-W)

Pusat Khidmat Pelanggan Generali

Level 1, Menara Generali,

27, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 1 300 13 2121 atau +603 3007 2121

E-mel: customer.service.gi@generali.com.my

www.generali.com.my

Generali Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah ringkasan untuk rujukan cepat dan mudah. Terma dan syarat yang terperinci dinyatakan dalam perkataan polisi.

Maklumat yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah sah seperti pada 24 Februari 2025.